



**TEKS UCAPAN
YAB MENTERI BESAR PERAK
YAB DATO' SERI SAARANI MOHAMAD
SEMPENA
MAJLIS EXECUTIVE TALK DAN
PERUTUSAN TAHUN BARU 2023
BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI
PERAK
KHAMIS, 26 JANUARI 2023, 10 PAGI
HOTEL CASUARINA@MERU, IPOH**

Assalamualaikum Wbr dan Salam Perak Sejahtera 2030.

Terima kasih pengacara majlis.

Bismillahirrohmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi Bin Abd. Rahim,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Azmir Shah Bin Zainal Abidin
Penasihat Undang-Undang Negeri Perak

Yang Berhormat Tuan Mohd Zaki Bin Mahyudin
Pegawai Kewangan Negeri Perak

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak,

YBrs, Ketua-ketua Jabatan, Negeri dan Persekutuan, Datuk Bandar,
Pegawai-pegawai Daerah dan Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan,
Kepimpinan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun
Negeri,

Rakan-rakan Media,

Serta para penjawat awam yang saya kasihi sekalian,

1. Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas kebesaran dan keagungan-Nya jua, kita dikurniakan nikmat kesihatan dan kelapangan waktu untuk menghadiri **Majlis Executive Talk dan Perutusan Tahun Baru 2023** pada pagi ini.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada seluruh penjawat awam negeri Perak. Semoga tahun baru ini akan mengerdipkan keazaman dan kekuatan kepada kita semua sebagai penjawat awam untuk terus setia menabur jasa dan bakti, supaya segala perancangan baik kita untuk memakmurkan rakyat dan negeri sentiasa dipermudahkan.
3. Seperti Firman Allah dalam Surah Al Kahfi, ayat 84 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya.”

4. Mudah-mudahan, perkongsian pada hari ini akan dapat menterjemahkan komitmen kita semua untuk berganding bahu merancang dan menjayakan agenda pembangunan negeri. Moga dengan kebersamaan itu, negeri tercinta kita ini akan terus dilimpahi rahmat kemakmuran manakala rakyatnya beroleh nikmat kesejahteraan, Insya-Allah.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

5. Jika kita soroti kembali tahun 2022, bolehlah dikatakan ia adalah tahun kebangkitan kita daripada runtuh pandemik COVID-19. Bermula April tahun lalu, proses pemulihan ekonomi secara berfasa telah dimulakan. Pembukaan sempadan telah merancakkan semula perdagangan. Aktiviti ekonomi satu persatu kembali dibuka walaupun dengan protokol kesihatan yang baru. Peniaga kecil atau besar mulai kembali bernafas apabila rakyat lebih bebas keluar untuk berbelanja.
6. Susulan itu, pada 15 Jun 2022 yang lalu, saya telah melancarkan **Pelan Perak Sejahtera 2030** iaitu pelan pembangunan strategik yang dirangka untuk kita membina semula ekonomi negeri pasca COVID-19. Tahun 2022 juga merakamkan sejarah penting bagi arena politik tanahair apabila rakyat membuat keputusan memilih kerajaan.
7. Pilihanraya sudah berlalu, kerajaan baharu sudah terbentuk. Saya amat bersyukur kerana walaupun Perak Sejahtera 2030 dirangka oleh kerajaan terdahulu, rakan-rakan Exco dalam Kerajaan baru ini bersetuju supaya pelan pembangunan strategik ini diteruskan atas prinsip memastikan agenda rakyat dan negeri menjadi keutamaan bersama.

8. Saya perlu sebutkan perkara ini kerana ia sangat penting dalam kita mendepani cabaran tahun 2023. Data-data ekonomi membayangkan kemungkinan dunia bakal berdepan kemelesetan. Kemunculan dua varian baru COVID-19 iaitu BA.5.2 dan BF.7 yang menular menimbulkan keresahan berulangnya krisis kesihatan. Perang geopolitik Rusia-Ukraine masih membahang sekaligus mengakibatkan ketidaktentuan harga barangan komoditi. Dengan tekanan inflasi yang semakin meningkat, pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan dasar monetari agresif yang diambil oleh hampir kesemua bank pusat di seluruh dunia, bayangan kemelesetan ekonomi berkemungkinan besar akan menjadi kenyataan.
9. Maka kerajaan yang ada hari ini mempunyai tugas berat yang perlu dilunaskan. Kestabilan dalam berkerajaan mesti sentiasa dipelihara. Enjin ekonomi mesti kembali diperkuatkan. Kemaslahatan rakyat yang masih merasai hambatan pandemik COVID-19 mesti selalu diberi keutamaan. Percambahan peluang pekerjaan mesti dijana sebagai agenda penting kerajaan. Polisi-polisi pelaburan mesti segera disegar, digilap dan ditatakelola dengan baik agar mampu memberi keyakinan kepada pelabur. Kecekapan pentadbiran jentera kerajaan kita perlu sentiasa kita perkukuhkan.
10. Realitinya, semua ini sudah termaktub dalam Pelan **Perak Sejahtera 2030**.

Pelan ini akan menjadi kompas yang akan mengemudi segala perancangan dan tindakan kita pada tahun 2023 dan tahun-tahun mendatang. Saya yakin, pelan ini mampu digerakkan sederhana dan seiring dengan gagasan **Membangun Malaysia Madani** yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

11. Untuk itu, dalam *Executive Talk* kali ini, saya menggariskan **LIMA** fokus penting untuk kita jayakan pada tahun 2023.

- i) Meningkatkan Hasil dan Daya Saing Ekonomi Negeri
- ii) Memantapkan Sinergi dalam Sistem Penyampaian
- iii) Mengupayakan Sara Diri dan Kapasiti Rakyat
- iv) Keterangkuman Inisiatif dan Infrastruktur Digital
- v) Memulihara Kelestarian Alam Sekitar

Saudara dan saudara yang dikasihi sekalian,

FOKUS 1: MENINGKATKAN HASIL & DAYA SAING EKONOMI NEGERI

12. Ekonomi Negeri Perak memperlihatkan prestasi positif dengan mencapai pertumbuhan dalam KDNK 3.5% pada tahun 2021 berbanding kemerosotan 2.4% pada tahun 2020. Pada tahun 2022 pula, Perak dijangka mencatatkan pertumbuhan positif dengan mengambil kira momentum pertumbuhan KDNK nasional sebanyak 14.2% pada suku ketiga berbanding 8.9% pada suku kedua dan 5% pada suku pertama tahun lalu.

13. Memasuki jendela 2023, kita perlu memperkuat asas ekonomi bagi mendepani ketidaktentuan ekonomi. Kerajaan perlu mencipta langkah-langkah progresif untuk merangsang ekonomi selain meningkatkan kecekapan kutipan hasil.
14. Berdasarkan laporan yang belum diaudit, Kerajaan Negeri menutup akaun bagi tahun 2022 dengan pencapaian jumlah Hasil dan Terimaan Pembangunan sebanyak **RM1.13 bilion**, melebihi sasaran asal semasa pembentangan Belanjawan Negeri Tahun 2022 iaitu RM1.05 billion. Daripada pencapaian tersebut, jumlah hasil yang diperoleh bagi tahun 2022 adalah RM1.09 bilion atau 105.89% berbanding sasaran. Pencapaian kutipan hasil ini hampir menyamai kutipan hasil pada tahun 2019 iaitu RM1.095 bilion. Ini menunjukkan hasil Kerajaan Negeri kembali pulih selepas dua tahun menghadapi penurunan akibat pandemik pada tahun 2020 dan 2021.
15. Menyentuh aspek perbelanjaan pada tahun 2022 pula, Belanja Mengurus adalah 97.26% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM803.0 juta manakala Belanja Pembangunan adalah 92.19% daripada jumlah peruntukan yang dikemaskini iaitu RM289.3 juta.
16. Bagi tahun 2023 pula, sasaran Hasil dan Perbelanjaan telah ditingkatkan bagi memastikan Kerajaan Negeri terus meningkatkan fokus untuk kutipan hasil yang lebih baik supaya pelaksanaan pembangunan dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Unjuran Hasil dan Terimaan Pembangunan Tahun 2023 RM1.16 bilion dengan sasaran hasil RM1.13 bilion. Jumlah ini terdiri daripada Hasil Cukai RM549.19 juta, Hasil Bukan Cukai RM393.96 dan Terimaan Bukan Hasil RM190.48 juta.

17. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri mengharapkan kutipan hasil lebih tinggi dan konsisten bagi menampung perbelanjaan yang sentiasa meningkat. Dengan jangkaan situasi ekonomi yang sarat dengan ketidakpastian, strategi kutipan hasil perlu diperkemaskan dan gerak kerja intensif perlu dirancang dan dilakukan lebih awal. Antara **langkah-langkah yang boleh diambil dalam memastikan kutipan hasil yang konsisten dan tinggi** adalah seperti berikut:

- i) Melipatgandakan usaha mengutip tunggakan terutamanya tunggakan cukai tanah;
- ii) Menyemak semula semua perjanjian yang melibatkan Kerajaan Negeri terutama berkaitan dengan skop penjanaaan hasil kepada Kerajaan Negeri;
- iii) Mengambil tindakan penambahbaikan ke atas semua teguran audit yang melibatkan skop penjanaaan hasil kepada Kerajaan Negeri;
- iv) Mengemas kini enakmen, peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang melibatkan kadar-kadar caj yang telah lama diguna pakai;

- v) Menyemak semula proses aliran kerja terutama yang melibatkan permohonan kelulusan permit/lesen bagi sesuatu bayaran yang dikenakan. Dalam erti kata lain mempercepatkan sesuatu proses permohonan; dan
 - vi) Meluaskan penggunaan bayaran atas talian bagi memudahkan bayaran hasil kepada Kerajaan Negeri selaras dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia 2030, MyDigital Malaysia.
18. Dalam pada itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas dan tahniah atas pencapaian kutipan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak dan semua Pejabat Daerah dan Tanah telah mencapai 100% sasaran kutipan hasil pada tahun lalu yang berjumlah hampir RM 700 juta.
19. Saya yakin, dengan komitmen jitu serta pelbagai pendekatan strategik yang dilakukan termasuk kaedah MEDIC iaitu *Magnification* (Pembesaran), *Efficiency* (Kecekapan), *Damage Control* (Kawalan Kerosakan), *Imagination* (Imaginasi) dan *Consistency* (Ketekalan), PTG mampu **mencapai sasaran kutipan pelbagai hasil tanah bagi tahun ini sebanyak RM780 juta** iaitu peningkatan kira-kira 10% daripada sasaran tahun lalu.

20. Dari aspek **pelaburan**, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan Negeri Perak telah mencatatkan nilai pelaburan bagi sektor pembuatan sebanyak RM2.5 bilion bagi tempoh Januari sehingga September 2022 yang merangkumi 37 projek pelaburan domestik dan pelaburan asing dan telah menghasilkan lebih dari 4,926 peluang pekerjaan di seluruh Negeri Perak.
21. Walaupun angka ini agak signifikan dalam suasana kita baru keluar dari belenggu pandemik, namun suka untuk saya mengingatkan bahawa daya saing pelaburan mesti selalu kita pertingkatkan. Cabaran dan halangan seperti birokrasi yang rumit, penawaran tenaga kerja mahir dan separa mahir yang terhad dan kekurangan kemudahan infrastruktur dan prasarana yang lengkap atau kerosakan infrastruktur perlu segera diatasi dan ditambah baik.
22. Ini penting kerana persaingan merebut kehadiran pelabur menjadi begitu sengit. Kita perlu lebih berani untuk bersaing terutamanya dengan negeri-negeri jiran kita. Kita mesti ada ekosistem pelaburan yang kondusif. Kerjasama di semua peringkat perlu dijana supaya kita mampu menyediakan prasarana yang lengkap, bekalan elektrik, air dan gas asli yang mencukupi serta sistem telekomunikasi yang cekap dan pantas.

23. **Silver Valley Technology Park (SVTP)** dan **Lumut Maritime Industrial City (LUMIC)** adalah antara inisiatif yang perlu menjadi agenda penting pelaburan negeri pada tahun ini. Kedua-duanya bukan sahaja mampu menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi melalui penerokaan industri-industri baru, tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan berkualiti kepada rakyat.
24. 2023 juga perlu menjadi tempoh yang penting untuk kita menggerakkan secara aktif sektor-sektor yang terjejas akibat pandemik. **Sektor pelancongan** yang sebelum ini terjejas teruk, mesti segera dipulihkan agar kembali menjadi penyumbang penting kepada ekonomi negeri. Perak pernah mencatatkan kedatangan pelancong domestik tertinggi bagi tahun 2019 iaitu seramai 10.1 juta pelancong sebelum menurun menjadi tempat kedua tertinggi pada tahun 2020 dan 2021 dengan masing-masing sebanyak 4.89 juta pelancong dan 1.35 juta pelancong.
25. Walaupun penurunan ini berpunca akibat pandemik, namun langkah-langkah penguatkuasaan kepada strategi menarik kehadiran pelancong perlu sentiasa dimantapkan agar kita dapat mengembalikan reputasi Perak sebagai destinasi pelancongan utama di negara kita. Program Tahun Melawat Ipoh 2023 diharap menjadi pemangkin kepada persediaan kita untuk mengadakan kempen Tahun Melawat Perak 2024.

26. Mendepani krisis makanan yang sedang melanda dunia, **sektor pertanian** akan menjadi antara tumpuan penting kerajaan pada tahun-tahun mendatang. Setiap jabatan dan agensi berkenaan terutamanya Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC), Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, dan Jabatan Veterinar perlu berganding bahu bagi menjayakan Agenda Sekuriti Makanan Perak.
27. Pun begitu, suka untuk saya mengingatkan bahawa walaupun agenda ini menekankan peningkatan produktiviti sumber makanan, namun tumpuan juga perlu diberikan untuk memastikan harganya mampu dijangkau oleh rakyat khususnya yang berpendapatan rendah.
28. Antara fokus yang akan diberi perhatian melalui agenda sekuriti makanan ialah meningkatkan pengeluaran industri penternakan dan pembekalan lembu pedaging, ternakan ayam, makanan haiwan ternakan serta pelaburan strategik selain pembangunan usahawan tani, penubuhan Akademi Sekuriti Makanan dan kebun komuniti.
29. Perak telah meneroka peluang besar dalam **sektor perlombongan** NR-REE yang merupakan bahan mineral bernilai tinggi di pasaran dunia dengan pelaksanaan projek perintis di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak.

Kerajaan Negeri berhasrat untuk **mewujudkan pusat pemprosesan NR-REE di dalam Negeri Perak sebagai aktiviti industri hiliran bagi menghasilkan semi-produk dan produk akhir yang lebih bernilai tinggi** jika dibandingkan dengan produk mentah NR-REE. Selain itu, Kerajaan Negeri Perak juga telah memohon Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan semula peruntukan sebanyak RM20 juta untuk kajian deposit bagi mengetahui potensi sumber mineral lain di Negeri Perak.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

FOKUS 2: MEMANTAPKAN SINERGI DALAM SISTEM PENYAMPAIAN

30. Dalam dua *Executive Talk* yang saya sampaikan sebelum ini, saya telah menggariskan beberapa pendekatan untuk kita sama-sama mengukuhkan sistem perkhidmatan kepada rakyat. Saya pernah menyebut betapa ujian hebat mendepani COVID-19 telah lebih mematangkan dan mendewasakan kita dalam memberi khidmat bakti kepada rakyat. Ia benar-benar banyak mengajar kita untuk berevolusi dalam membuat keputusan dan tindakan.
31. Tahun lalu saya berkongsi perlunya kita membudayakan perkhidmatan di luar kebiasaan.

Dan saya bersyukur kerana sepanjang memegang amanah sebagai Menteri Besar, saya mendapat dukungan dan kerjasama yang sangat baik daripada rakan-rakan penjawat awam. Saya harap, langkah-langkah penambahbaikan yang kita laksanakan dapat diteruskan untuk kita mengukuhkan prosedur dan cara kerja kita.

32. Dalam *Executive Talk* kali ini, saya mengajak kita semua untuk menghayati tiga perkara untuk memantapkan budaya kerja iaitu; ***sense of crisis***, ***sense of empathy*** dan ***sense of urgency***. Saya terpanggil untuk berkongsi tiga perkara ini bagi kita mendepani suasana ekonomi yang tidak menentu serta tuntutan dan ekspektasi rakyat yang semakin meningkat saban hari.
33. Kita sedang hidup dalam dunia yang dilingkari krisis sehingga menimbulkan segala macam ketidaktentuan. Krisis kesihatan, krisis tenaga dan krisis makanan – kesemuanya akan memberi impak yang besar kepada rakyat sekali gus mendesak kesiapsiagaan kita untuk membuat keputusan dan tindakan yang betul pada waktu yang betul. ***Sense of crisis*** akan menuntut kita untuk selalu membuat antisipasi krisis berdasarkan data bagi membolehkan kita melakukan langkah mitigasi pada waktu-waktu yang genting.

34. ***Sense of empathy*** pula menyarankan kita untuk sentiasa memahami kehendak dan menyelami keperluan rakyat yang memerlukan. Walaupun kita sudah semakin pulih daripada hambatan pandemik, ada rakyat di luar sana yang benar-benar memerlukan dukungan kita untuk bangkit semula. Ada yang masih mencari-cari haluan untuk kelangsungan hidup. Gunalah apa juga kapasiti yang ada untuk membantu dan membimbing mereka membina semula kehidupan.
35. Jangkaan rakyat terhadap mutu kerja kita semakin meningkat. Platform media sosial memungkinkan aduan rakyat menjadi begitu pelbagai dan melebar. Rakyat mahu isu atau masalah yang diajukan diselesaikan sesegera mungkin. ***Sense of urgency*** membolehkan kita sentiasa proaktif untuk memastikan apa jua isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan secara tangkas dan pantas. Ini memerlukan kreativiti serta inovasi dalam setiap gerak kerja dan tindakan kita.
36. Mahu tidak mahu, kita perlu menerima hakikat bahawa media sosial menjadi platform untuk rakyat mengadu isu yang melingkari kehidupan mereka. Saban hari, kita mendengar pelbagai rungutan dan keluhan termasuklah yang menyentuh kemudahan dan infrastruktur jalan, pengurusan sampah, penyelenggaraan longkang, lampu jalan, pokok dan sebagainya.

37. Bagi saya, ini bukan semata-mata kayu ukur kepada prestasi kita dalam memberi perkhidmatan, namun ia mencerminkan betapa ruang untuk rakyat bersuara sudah menjadi semakin luas dan pantas terutamanya melalui aplikasi media sosial. Apa yang penting ialah untuk kita mengurus aduan-aduan ini melalui **pacuan sinergi antara jabatan serta agensi** agar apa jua isu yang diutarakan dapat kita tangani secara objektif.
38. Saya memahami sebahagian daripada rungutan rakyat itu berkisar isu-isu yang berada di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sebab itulah, saya dan rakan-rakan telah mengambil inisiatif bertemu dengan YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini untuk memanjangkan beberapa perkara yang sering dibangkitkan oleh rakyat termasuklah menyentuh isu jalan rosak, penyelesaian isu banjir dan kemudahan infrastruktur yang lain.
39. Bermula tahun 2021, semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Perak telah menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), iaitu saluran aduan rasmi negeri untuk memudahkan pemantauan oleh Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Berdasarkan rekod, jumlah aduan yang diterima oleh PBT sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak 14,630. **Berdasarkan jumlah itu, 65.5 peratus aduan melibatkan isu-isu penyelenggaraan infrastruktur awam** seperti longkang (3,194), jalan raya (2,405), sampah (1,586), pokok (1,384) dan lampu (487).

40. Walaupun rekod menunjukkan 13,814 atau 94.42% daripada aduan yang direkodkan berjaya diselesaikan, saya harap sistem ini dapat ditambah baik dengan **meningkatkan sinergi antara jabatan dan agensi** agar isu-isu yang melibatkan infrastruktur dan kemudahan awam dapat kita tangani dengan lebih berkesan.
41. Bagi tahun 2023 juga, program turun padang yang menjadi tunjang pentadbiran Kerajaan Negeri akan kita teruskan. Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada hari Selasa minggu kedua setiap bulan sepanjang tahun lalu telah menunjukkan impak yang sangat positif apabila 92 peratus atau 880 daripada 958 aduan yang diterima berjaya diselesaikan manakala selebihnya memerlukan perhatian lanjut daripada jabatan atau agensi berkenaan.
42. Mulai bulan hadapan, Hari Bertemu Pelanggan akan diadakan pada hari Khamis minggu pertama setiap bulan dengan beberapa langkah penambahbaikan termasuk mengambil kira keperluan untuk diadakan di setiap daerah. Mudah-mudahan, pendekatan turun padang ini secara bersepadu bukan sahaja mengakrabkan lagi hubungan kita dengan rakyat, malah isu-isu setempat yang mungkin selama ini kita terlepas pandang, dapat ditangani dan diselesaikan.
43. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada jabatan, agensi, PBT dan GLC negeri yang menerima anugerah atau pengiktirafan sepanjang tahun 2022. Antaranya:

- i) Pejabat Daerah dan Tanah Ipoh menerima Anugerah Khas Kategori Hasil susulan prestasi pencapaian kutipan hasil mengikut 3 kategori utama iaitu Cukai Tanah Berulang, Tunggakan Cukai Tanah dan Hasil-hasil Lain.
- ii) Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang menerima Anugerah Khas Kategori Penguatkuasaan selepas mencapai jumlah tertinggi operasi, pembukaan kertas siasatan dan tindakan penguatkuasaan di atas tapak.
- iii) Pejabat Daerah dan Tanah Kerian menerima Anugerah Khas bagi kategori pendaftaran setelah berjaya mencapai pendaftaran hak milik tanah 100% setiap bulan berdasarkan jumlah bilangan bulanan tertinggi sepanjang tahun 2021.
- iv) Pejabat Daerah dan Tanah Sungai Siput menerima Anugerah Khas Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Kecil bagi pencapaian prestasi dalam kategori hasil, penguatkuasaan dan pendaftaran.
- v) Majlis Daerah Tapah mendapat tempat kedua bagi Pertandingan Pengiktirafan Tandas Awam Bersih Peringkat Kebangsaan Tahun 2021/2022 sempena Sambutan Hari Tandas Sedunia Tahun 2022.

- vi) Majlis Perbandaran Teluk Intan merangkul Johan dalam Bidang Penyampaian Perkhidmatan Kategori Penambahbaikan dan Anugerah Inovasi Hibrid Terbaik dalam Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri Perak Tahun 2022.
- vii) Majlis Perbandaran Taiping menerima Anugerah Best Team 2022 di *Asean-Rox Xr Professional Training bersempena 2022 Tourism Promotion Organization (TPO) Capacity Building Program* pada 2 Disember 2022 di Busan, Korea Selatan.

Selain itu, Majlis Perbandaran Taiping memenangi Anugerah Emas Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022 dan Sistem Penarafan 5 Bintang PBT 2020-2021.

Majlis Perbandaran Taiping juga menerima Anugerah Destinasi Rekreasi Terbaik 2022 di Anugerah Industri Pelancongan Malaysia 2022 oleh *Malaysia Tourism Association (MATA)* dan Santai Travel.

- viii) Majlis Daerah Kampar mendapat Tempat Pertama dalam pencapaian status bandar mampan (kategori Majlis Daerah) pada program pengukuran bandar mampan Malaysia melalui *Malaysian Urban-Rural National Indicators Network for Sustainable Development (MURNInets) 2.0*.

Ia bersempena Hari Perancangan Bandar Sedunia tahun 2022 anjuran Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

- ix) Majlis Daerah Selama telah dinobatkan sebagai Johan Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) Negeri Perak 2022 melalui produk inovasi prosedur kerja yang dinamakan RSP-MDS.
- x) Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) penerima anugerah Ureka MACRI daripada *Malaysian Association Of Creativity And Innovation* (MACRI)
- xi) Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dianugerahkan *ASEAN Homestay Award* Pelancongan Berasaskan Komuniti bagi produk Homestay Kg Labu Kubong di Jogjakarta, Indonesia.
- xii) Majlis Daerah Tanjong Malim menerima Anugerah Persembahan Terbaik Festival Koir PBT Negeri Perak.
- xiii) Majlis Daerah Kerian menerima Anugerah Sijil Pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA) (MASS) 2022.

- xiv) Majlis Daerah Pengkalan Hulu memenangi tempat pertama Kategori PBT Pengumpul Jumlah e-Waste Terbanyak Berdasarkan Peratusan Populasi sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Perak.
- xv) Perak SADC menerima Anugerah Perak Anugerah Integriti, Governans dan Antirasuah (AIGA) 2022.
- xvi) Perbadanan Menteri Besar (MB Inc.) juga mengharumkan nama negeri dengan menerima beberapa anugerah termasuk:
- Anugerah Komitmen Cemerlang Pematuhan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 menerusi anak syarikat, Amanjaya Global Sdn. Bhd. sekaligus mengetepikan 1,300 pesaing.
 - *The Golden Bull Award 2022 - Outstanding SME* melalui Pengurusan Pasir Perak Sdn. Bhd. (3P) anjuran Business Media International dan SAMENTA (*Small and Medium Enterprise Association*).
 - Pengurus Besar Komunikasi Strategik Korporat NB Inc., Cik Siti Kamesah Bee Hashim dianugerahkan *Movers and Shakers Award* di Majlis *The Asia HRD Awards 2022*.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

FOKUS 3: MENGUPAYA SARA DIRI DAN KAPASITI RAKYAT

44. Berdasarkan data Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), kira-kira 345 juta orang di lebih 82 negara berdepan masalah kekurangan makanan. PBB juga melaporkan, kira-kira 25,000 orang termasuk 10,000 kanak-kanak mati setiap hari akibat kelaparan. Dengan krisis makanan yang semakin meruncing, angka ini dibimbangi akan terus meningkat.
45. Senario ini menggambarkan kepada kita betapa sekuriti makanan menjadi isu yang begitu kritikal dan mendesak. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri menggariskan keterjaminan makanan sebagai agenda penting pada tahun ini dengan sasaran meningkatkan Kadar Sara Diri (SSR). Malah, Pelan Tindakan Sekuriti Makanan menjadi salah satu teras dalam pelan Perak Sejahtera 2030.
46. Sebagai peneraju kepada inisiatif ini, saya telah meminta Perak SADC untuk memperhebatkan usaha meningkatkan produktiviti pengeluaran makanan yang turut didukung oleh pelbagai program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian di bawah Rancangan Pembangunan Negeri Perak Darul Ridzuan 2021-2025.

47. Antara fokus dan tumpuan Kerajaan Negeri pada tahun 2023 ialah menambah kawasan penanaman dengan pemberian insentif berupa pembangunan infrastruktur dan pembelian input-input pertanian seperti baja dan racun. Program *Precious Farming* atau Pertanian Jitu juga akan diperkasakan selain mengezonkan kawasan-kawasan pertanian terutamanya bagi penanaman padi di bawah Rancangan Fizikal Negara ke-4.
48. Program SMART Sawah Berskala Besar (SBB) juga diperkenalkan untuk membantu dalam menaikkan SSR padi manakala Program Briged Muda Petani Moden yang telah dilancarkan diharap dapat menggalakkan lebih ramai golongan muda untuk menceburkan diri dalam pertanian sekaligus menyokong usaha meningkatkan produktiviti hasil makanan.
49. Bagi memantapkan lagi usaha-usaha ini, kerjasama antara agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang diketuai oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak digerakkan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi pengeluaran dan kebolehpasaran hasil pertanian. Ia juga menjadi platform perbincangan untuk mencapai keputusan bersama menangani isu-isu pertanian.

50. Dalam pada itu, saya kongsiakan unjuran Bank Negara Malaysia bahawa inflasi dijangka kekal berada pada tinggi pada 2023 berikutan tekanan berterusan permintaan dan kos komoditi global yang ketika ini ditangani melalui kawalan harga dan subsidi bahan api. Ini memberi konotasi bahawa isu kenaikan harga barangan dan perkhidmatan akan terus membelenggu kehidupan rakyat pada tahun ini.
51. Dalam Belanjawan 2023, Kerajaan Negeri menggariskan pelbagai program-program khusus bagi mengupayakan sara diri rakyat dalam mendepani situasi ekonomi yang tidak menentu. Selain bantuan sosial melalui jabatan dan agensi kebajikan, pelbagai program dan inisiatif disediakan kerajaan termasuk pemberian **Kad Perak Sejahtera, Program Teduhan Kasih Anak-Anak Perak, pemberian kotak makanan serta skim-skim bantuan perumahan.**
52. Cabaran kita ialah untuk memastikan semua bantuan ini benar-benar sampai kepada golongan sasaran. **Saya menyarankan supaya inisiatif Kedai Bergerak Negeri Perak** yang dilaksanakan Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan dengan usahasama Perak SADC, Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.) dan Majuperak Holdings Berhad **diperluaskan** agar lebih ramai lapisan rakyat terutamanya di luar bandar dapat membeli barang makanan dan keperluan dengan harga yang murah dan berpatutan.

53. Bagi mengukuhkan lagi agenda pemerkasaan ekonomi rakyat, program-program pembangunan usahawan mesti kita pergiatkan. Berdasarkan data Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sehingga November 2022, **terdapat lebih 150,000 usahawan aktif di Perak. Ini merupakan antara bilangan usahawan tertinggi antara negeri di Malaysia.**
54. Alhamdulillah, berkat usaha berterusan Kerajaan Negeri khususnya melalui Sekretariat Pembangunan Usahawan Negeri Perak (STeP) dengan kerjasama pelbagai agensi seperti Perak SADC, MARA dan Amanah Ikhtiar Malaysia, ramai anak-anak muda Perak telah berjaya menjadi usahawan berjaya terutamanya melalui amalan pendigitalan perniagaan.
55. Selain itu, Perak juga perlu bersiap sedia mulai sekarang untuk menghadapi fenomena penuaan penduduk di negeri ini. Menyedari keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kerajaan Negeri di bawah Portfolio Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan melalui Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak perlu lebih proaktif **memperkasakan golongan warga emas dengan merencanakan pelbagai perkhidmatan dan program** sejajar dengan keprihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan hidup golongan warga emas.
56. Aspek kesihatan juga rakyat perlu menjadi keutamaan kita.

Memahami kemunculan varian COVID-19 yang berisiko menjadi ancaman kesihatan, usaha-usaha berterusan perlu dilakukan untuk menjamin ketersediaan dan ketahanan sistem kesihatan. Antara langkah yang perlu dilakukan ialah **menjayakan inisiatif saringan kesihatan** dengan penglibatan secara menyeluruh agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO.

57. Langkah penyediaan peluang dan persiapan tenaga kerja mahir juga menjadi agenda penting Kerajaan Negeri pada tahun ini. Bagi memacu pencapaian matlamat agenda kelima Pelan Perak Sejahtera iaitu menjadikan Negeri Perak sebagai Koridor TVET Malaysia, Kerajaan Negeri akan **menubuhkan Majlis TVET Negeri Perak** dengan penglibatan keseluruhan institusi latihan kemahiran awam dan swasta bagi meningkatkan daya upaya modal insan ke arah satu warga satu skil.
58. Majlis TVET ini akan berfungsi sebagai badan tertinggi yang akan menyelaras dan memantau pelaksanaan program latihan, kursus yang ditawarkan oleh institusi, keperluan industri semasa serta jangkaan permintaan pelabur untuk guna tenaga. Mengikut analisis, Perak melahirkan sebanyak 13,000 tenaga mahir setiap tahun melalui institusi-institusi kemahiran ini. Oleh itu, Majlis ini turut berperanan sebagai badan yang menyelaras data tenaga mahir bagi dipadankan kepada industri di Negeri Perak.

59. Jawatankuasa tertinggi majlis ini dianggotai oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Jawatankuasa Teknikal Kecil pula akan melibatkan wakil institusi kemahiran, wakil industri, wakil jabatan dan agensi serta Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) sebagai sekretariat manakala Institut Darul Ridzuan pula sebagai penasihat majlis.
60. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya GLC-GLC negeri yang terus komited menjayakan inisiatif Tuisyen Cikgu Saarani (TCS) yang telah kita mulakan sejak tahun 2021. Alhamdulillah, inisiatif ini telah memberi limpahan manfaat kepada ratusan ribu murid dan pelajar Perak termasuk 38,000 calon-calon yang mengambil peperiksaan utama setiap tahun.
61. Inisiatif ini akan diteruskan dengan memberi tumpuan untuk membimbing anak-anak Perak terutamanya dari golongan keluarga susah dan berpendapatan rendah serta anak-anak Orang Asli supaya mereka juga mendapat akses pendidikan yang berkualiti.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

FOKUS 4 : KETERANGKUMAN INISIATIF DIGITAL DAN TEKNOLOGI

62. Pandemik COVID-19 menjadikan digitalisasi sebagai *game changer* yang sangat penting – bukan sahaja dari aspek urusan kehidupan manusia, tetapi juga dari segi perjalanan urusan pentadbiran kerajaan. Tanpanya, kita akan ketinggalan dari segi ketangkasan dalam membuat keputusan dan tindakan. Mengabaikannya akan menjadikan kita terperangkap dalam sistem yang lapuk dan ketinggalan zaman.
63. Memahami aspek pendigitalan sebagai sumber ekonomi masa hadapan, Kerajaan Negeri akan menubuhkan Majlis Ekonomi Digital Negeri Perak bagi menentukan dasar dan inisiatif berkaitan ekonomi digital di peringkat negeri dan memantau penyelarasan inisiatif antara kerajaan pusat, agensi negeri dan agensi swasta.
64. Pada tahun 2022 juga hampir 100,000 usahawan Perak telah memiliki sekurang-kurangnya asas digital dan lebih RM50 juta transaksi atas talian telah dijalankan. Statistik ini sudah cukup menggambarkan aspek digital adalah sumber ekonomi masa depan.
65. Pada masa sama, penyediaan infrastruktur telekomunikasi menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dalam menyediakan persekitaran pintar bagi memacu sektor pendidikan, perniagaan dan tadbir urus kerajaan. Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menambah baik jaringan akses komunikasi dan jalur lebar bagi seluruh negeri Perak.

66. Di bawah pelaksanaan JENDELA Fasa 1, hampir keseluruhan projek yang dijalankan berjaya menepati sasaran. Melalui program ini, sebanyak 73 lokasi perkampungan Orang Asli telah mendapat capaian internet melalui Perkhidmatan Jalur Lebar Mudah Alih Satelit.
67. Sehingga suku ketiga 2022, capaian liputan mudah alih 4G/LTE telah meliputi 96.89% di kawasan berpenduduk berbanding 94.3% sebelum pelan ini dilancarkan. Walau bagaimanapun, liputan 4G/LTE perlu ditambah baik dari segi kualiti perkhidmatan supaya lebih menyeluruh dan melebar terutamanya di kawasan luar bandar.
68. Walaupun kita berada di landasan yang betul apabila sebanyak 270,816 premis telah mendapat capaian dengan gentian optik berbanding 252,475 premis yang disasarkan, namun masih ada ruang penambahbaikan boleh dilakukan agar ketersambungan digital internet sentiasa berada dalam keadaan yang memuaskan.
69. Untuk itu, suka untuk saya menyarankan supaya pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) meneliti semula projek pembinaan menara telekomunikasi baharu yang hanya siap sebanyak 75 tapak (43.2%) daripada 176 tapak yang disasarkan.

70. Saya harap, jalinan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri terus dapat dimantapkan agar kita dapat mentransformasikan Perak menjadi antara negeri berpacuan teknologi dan pendigitalan. Sudah tiba masanya PBT menambah baik perkhidmatan dengan mempraktikkan sepenuhnya perkhidmatan digital berasaskan Teknologi Pintar *Internet of Things* (IoT).
71. Berdasarkan kejayaan projek perintis yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Manjung (MPM) selaku PBT pertama di Malaysia menggunakan sistem pelesenan premis secara digital (*myPATIL*), maka Kerajaan Negeri Perak kini bersedia melangkah sebagai negeri pertama melaksanakan sistem pelesenan digital di seluruh PBT Perak pada tahun ini.
72. Saya juga amat menyambut baik langkah mewujudkan Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2022-2025 yang akan menjadi rujukan utama penetapan hala tuju pendigitalan secara komprehensif. Terdapat 4 teras strategik, 14 strategi dan 48 program yang telah dirangka melalui pelan ini. Empat (4) teras strategik yang telah digariskan adalah seperti berikut:
- i. Pemerkasaan Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan Negeri Yang Selamat Secara Inklusif Dan Bersepadu;
 - ii. Pemantapan Infrastruktur Teknologi Digital Dan Keselamatan ICT;

- iii. Pemantapan Keupayaan Digital Secara Holistik; dan
- iv. Pemerkasaan Tadbir Urus Digital Mampan.

73. Inisiatif lain yang telah dirangka untuk dilaksanakan mulai tahun 2023 adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan Sistem Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak yang baharu bagi menambah baik proses permohonan dan penawaran Pinjaman Pengajian Tinggi Negeri Perak secara dalam talian.
- ii. Penaiktarafan Repositori Data Raya Perak kepada modul lain sejajar dengan agenda Perak Sejahtera 2030 iaitu Pembuatan Keputusan Berpacukan Data melalui penambahan modul Hasil, Pelaburan dan Peluang Pekerjaan yang akan melonjakkan potensi ekonomi digital negeri Perak.
- iii. Pembangunan Platform Perkongsian Data (*Geo Hub*) bagi membolehkan perkongsian data geospasial antara agensi-agensi pembekal dan pengguna data geospasial. Menerusi platform ini, satu perkongsian maklumat dan kerjasama antara agensi diwujudkan bagi menggalakkan perkongsian data-data geospasial dengan lebih efektif, cekap dan cepat.

- iv. Kajian Pelaksanaan Inisiatif *Emerging Technologies* turut dilaksana bagi memastikan ketersediaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan inisiatif yang melibatkan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan atau artificial intelligence (AI), pengkomputeran awan atau *cloud computing*, *internet of things* (IoT), *blockchain*, robotik dan analitis data raya.
74. Selain itu, salah satu sasaran *Key Performance Indicators* (KPI) pendigitalan adalah Perkhidmatan *End-To-End* (E2E) sektor awam. Perkhidmatan E2E bermaksud perkhidmatan yang dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dari proses mula hingga akhir, boleh diakses bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa berurusan secara bersemuka. Negeri Perak telah berjaya mencapai 69.94% perkhidmatan E2E pada tahun 2022 iaitu berjumlah 1,640 daripada 2,345 perkhidmatan sedia ada di jabatan/agensi negeri Perak. Perkhidmatan E2E ini dijangka dapat mencapai 100% menjelang tahun 2025.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

FOKUS 5: MEMULIHARA KELESTARIAN ALAM SEKITAR

75. Tahun 2022 juga menyaksikan beberapa bencana alam yang mengakibatkan kehilangan nyawa. Kejadian banjir yang

melanda beberapa negeri selain siri kejadian runtuh termasuk tragedi di Batang Kali, Selangor adalah antara yang paling diingati. Sesungguhnya, semua malapetaka ini mengingatkan kita betapa pentingnya untuk kita sentiasa menjaga hubungan baik dengan alam.

76. Kelestarian alam sekitar memberi impak besar kepada kewujudan iklim stabil, membabitkan pengurusan sumber semula jadi dengan mampan dan melindungi biodiversiti. Kegagalan melestarikan alam sekitar bakal membawa bencana besar kepada rakyat dan masa depan negara.
77. Negeri Perak terus komited dalam usaha sebagai peneraju kelestarian sumber dan alam sekitar. Pada tahun 2021, UPEN telah bekerjasama dengan pihak *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) untuk merangka Pelan Perak Lestari 2030 yang bertujuan untuk memberi panduan bagi pembentukan dasar, inisiatif dan agenda kelestarian negeri menuju tahun 2030.
78. Meskipun ada waktunya kita berdepan dengan kritikan terutamanya yang menyentuh kegiatan penerokaan alam bagi tujuan ekonomi, namun Perak konsisten dengan pendirian untuk memastikan apa jua program pembangunan ekonomi yang dilaksanakan, ia mestilah berpaut kepada tanggungjawab memulihara sumber asli dan khazanah negeri.

79. Dalam konteks itu, pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi mencapai dan seterusnya mengekalkan kawasan berhutan Negeri Perak sekurang-kurangnya 50 peratus seiring dengan pembangunan negeri yang telah mengambil faktor-faktor seperti ekonomi, sosial dan alam sekitar.
80. Pada tahun 2022, seluas 915.25 hektar telah diwartakan baharu sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) di negeri Perak. Jabatan Perhutanan Negeri Perak bersama Pejabat Tanah dan Galian Negeri Perak akan meneruskan usaha pewartaan tanah Kerajaan yang telah dikenal pasti dan diluluskan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sebagai HSK seluas lebih kurang 5,507.31 hektar.
81. Malah, Hutan Simpanan Kekal di Perak telah diberi pengiktirafan *Malaysia Criteria & Indicators for Sustainable Forest Management Certification* selain *Sustainable Forest Management*) di bawah *Malaysian Timber Certification Scheme (MTCS)*. Pensijilan Pengurusan Hutan yang diiktiraf antarabangsa ini menunjukkan bahawa sumber hutan di negeri ini telah diuruskan dengan cekap, terbaik atau *Best Forest Practices* yang menumpukan penekanan seimbang terhadap penstabilan alam sekitar, ekologi, biodiversiti, sosial dan ekonomi.
82. Pun begitu, agenda kelestarian alam sekitar perlu bersifat konsisten dan berkesinambungan. Sehubungan itu, langkah-

langkah pemuliharaan alam sekitar yang sedang dilaksanakan akan terus diperkukuhkan. Antaranya:

- i. **Memperhebatkan inisiatif konservasi** termasuk penanaman pokok bakau sebagai pertahanan semulajadi dari selain mampu menjadi antara komponen eko-pelancongan yang memberi pulangan ekonomi kepada negeri dan penduduk setempat. Penanaman semula hutan juga perlu dilakukan secara sistematik demi menjamin pengurusan hutan secara berkekalan.
- ii. **Menyebarkan inisiatif teknologi hijau.** Pemasangan panel solar PV di bawah skim pemeteran tenaga bersih 3.0 di Majlis Daerah Perak Tengah (MDPT) pada tahun 2022 menyaksikan purata penjimatan bil elektrik mencecah 26 peratus sebulan. Pemasangan solar PV di Pasar Ayam Amanjaya, Ipoh juga akan dilaksanakan pada pertengahan Februari 2023. Pembangunan Projek Mini Hidroelektrik Secara *Owner-Operator* bersama pihak Kangsar Hidro Sdn Bhd (KHSB) pula adalah usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai sasaran 31% penjanaan Tenaga Boleh Baharu dalam kapasiti terpasang menjelang tahun 2025.
- iii. **Memantapkan inisiatif *waste to energy* (WTE)** yang mampu menyumbang ke arah menjadikan Perak sifar

sisia kerana melibatkan proses pengurusan sisa yang lebih higienik dan sistematik selain menghindari masalah pencemaran bau akibat aktiviti pelupusan sisa. Bagi menjayakan konsep WTE ini, Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak telah menganjurkan pelbagai kempen di seluruh Negeri Perak melalui semua PBT sejak tahun 2020.

iv. **Meningkatkan langkah penguatkuasaan berkaitan perlindungan alam sekitar.** Selain operasi bersepadu, penglibatan komuniti setempat termasuk Orang Asli perlu sentiasa digerakkan bagi membantu usaha membanteras kegiatan penerokaan hutan serta menangani kemasukan pemburu haram ke kawasan hutan simpan.

83. Dalam pada itu, kita bersyukur kerana banjir yang turut melanda negeri kita baru-baru ini tidak seburuk seperti negeri-negeri lain. Malah, jumlah kes banjir di Perak menunjukkan penurunan meskipun mengalami peningkatan taburan hujan. Pada tahun 2021, 162 kejadian banjir direkodkan dan menurun kepada hanya 148 kes pada tahun 2022. Penurunan ini banyak disumbang oleh langkah pencegahan dan persediaan awal yang dilakukan pihak JPS bersama agensi-agensi berkaitan.

84. Projek-projek Rancangan Tebatan Banjir, langkah pemuliharaan sungai, pembinaan ban, penempatan pam-pam

di kawasan berisiko bagi membantu pengaliran air keluar ke sungai, pembersihan dan mendalamkan sungai serta penambahan struktur keselamatan tebing sungai merupakan kerja-kerja utama yang menyumbang kepada pengurangan kes yang dilaporkan.

85. Pun begitu, ia tidak sewajarnya membuatkan kita berasa selesa. Masih banyak kawasan yang memerlukan perhatian khusus terutamanya melibatkan kejadian banjir kilat yang kerap sehingga menimbulkan keresahan rakyat. Sehubungan itu, saya berharap jabatan dan agensi terlibat dapat memastikan **11 projek tebatan banjir sama ada melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang akan dilaksanakan tahun ini dapat disiapkan mengikut waktu yang ditetapkan.** Ini penting bagi mempersiapkan Perak menghadapi bencana banjir pada tahun-tahun mendatang.
86. Dalam hubungan ini, saya mahu menarik perhatian kepada isu pencerobohan kawasan rizab sungai untuk dijadikan penempatan atau aktiviti ekonomi. Kegiatan ini bukan sahaja melanggar peraturan, tetapi juga menyebabkan jabatan kerajaan khususnya JPS sukar untuk menjalankan langkah-langkah pencegahan banjir.

Saya harap semua pihak yang berkenaan termasuk JPS, PTG, Pejabat Daerah dan Tanah serta PBT berganding bahu bagi menangani isu ini secara holistik.

Saudara dan saudari yang dikasihi sekalian,

PENUTUP

87. Seperti yang saya sebutkan dalam awal ucapan tadi, kelima-lima fokus yang hendak kita jayakan ini adalah berpandukan kepada hala tuju yang telah digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030. Ini bermakna, kemampuan kita untuk menjayakan kelima-lima fokus ini akan membina momentum berterusan untuk kita mencapai visi dan matlamat Perak Sejahtera 2030.
88. Oleh itu, saya mengajak kita semua untuk membulatkan tekad dan keazaman untuk terus berganding bahu antara satu sama lain agar setiap perkara yang kita rancang dan laksanakan, akhirnya dapat sama-sama kita jayakan sekali gus memberi limpahan kebaikan kepada rakyat dan negeri.
89. Saya petik kata-kata yang pernah diungkapkan oleh Babe Ruth, pemain legenda sukan besbol dari pasukan *New York Yankees*, Amerika Syarikat. Katanya:

“...bermain secara berpasukan akan menentukan kejayaan. Pasukan anda mungkin memiliki barisan pemain bertaraf bintang, namun jika mereka tidak dapat bermain secara berpasukan, maka pasukan tidak punya nilai mencipta kejayaan..”

90. Justeru, marilah kita sama-sama menggembeleng kekuatan dan kapasiti masing-masing untuk menyuburkan semangat kekitaan, budaya saling peduli, saling menghargai dan saling melengkapi antara satu sama lain. Nilai-nilai inilah yang akan membawa kita ke puncak kejayaan. Insya-Allah.

91. Semoga Allah SWT sentiasa memberkati dan mempermudah usaha-usaha kita dalam membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamuaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh